

06/11/2001

Sidang lulus deklarasi khas usaha tangani HIV/Aids

SIDANG Kemuncak Asean ke-7 di sini, hari ini meluluskan deklarasi khas mengenai HIV/Aids yang diketengahkan Malaysia, dengan memberi penekanan kepada tindakan bersama membanterasnya menerusi program peringkat nasional dan serantau.

Serentak itu, ia menyarankan penubuhan tabung kesihatan dan HIV/Aids global selain memastikan negara rantau ini mendapat peluang sama rata terhadap kemudahan tabung berkenaan.

Ia turut meminta rakan dialog Asean, organisasi dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), agensi penderma serta pertubuhan antarabangsa lain menyokong usaha, penyelarasan serta pelaksanaan tindakan terkandung dalam deklarasi berkenaan.

Sambil menyatakan sekurang-kurangnya 1.7 juta penduduk rantau ini menghidap HIV/Aids, deklarasi itu menyebut ketua-ketua kerajaan Asean berikrar untuk mengetuai dan membimbing tindakan mencegah penularan wabak berkenaan dengan menjadikannya sebagai keutamaan bersama.

Deklarasi empat halaman itu turut menyatakan komitmen mewujudkan suasana persekitaran positif bagi memastikan langkah pencegahan yang berkesan, termasuk memperkukuhkan keupayaan dari segi kesihatan dan pendidikan serta sistem perundangan.

Isu mengenai HIV/Aids adalah inisiatif Malaysia, susulan daripada Sidang Tidak Rasmi Asean di Singapura tahun lalu. Ia dibincangkan dalam satu sesi khas pada sebelah pagi tadi, dengan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pegawai-pegawai Asean yang ditemui menyifatkan, pernyataan deklarasi khas mengenai HIV/Aids secara berasingan menunjukkan kejayaan Malaysia mengajak negara anggota membanteras penularan gejala HIV/Aids yang menjejaskan pembangunan sosial dan perdagangan.

Deklarasi itu, yang dikeluarkan tengah hari ini, menyatakan persetujuan Asean untuk meningkat dan memperkukuhkan kerjasama pelbagai sektor membabitkan semua pihak dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian tindakan berkaitan HIV/Aids.

Ini termasuk semua kementerian berkaitan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor perniagaan, media, pertubuhan masyarakat, pemimpin agama, keluarga serta mereka sendiri yang menghidap HIV/Aids.

Berikutan itu, deklarasi berkenaan menyatakan persetujuan bersama untuk menjalin kerjasama erat dalam menganjur program serantau.

Ia meliputi pelbagai bidang, antaranya pendidikan dan latihan kemahiran kepada belia, langkah pencegahan berkesan terhadap jangkitan HIV menerusi hubungan seks, pemantauan HIV/STD, penjagaan dan sokongan terhadap mereka yang dijangkiti HIV, pencegahan jangkitan daripada ibu kepada anak, mewujudkan suasana positif untuk pencegahan.

Antara tindakan bersama serantau yang akan diambil ialah memperkukuhkan mekanisme serantau serta meningkatkan dan mengoptimumkan penggunaan semua sumber bagi menyokong usaha ke arah menyediakan kemudahan perubatan pada kos yang munasabah, membantu penghidap penyakit itu dengan rawatan dan maklumat berkaitan, menggalakkan kerjasama inovatif antara sektor bagi mengurangkan kesannya pada sosioekonomi dan memperluaskan strategi pencegahan, rawatan dan sokongan.

Tindakan lain termasuk memantau dan menilai kegiatan di semua peringkat menerusi kajian berkala secara sistematik dengan pembabitkan semua pihak berkaitan secara aktif.

Deklarasi itu turut merujuk Deklarasi Komitmen Mengenai HIV/Aids PBB pada Jun 2001 yang menuntut komitmen global memperkukuhkan penyelarasan usaha peringkat nasional, serantau dan antarabangsa memerangi HIV/Aids menerusi secara komprehensif.

Selain itu, ia menegaskan semula saranan Deklarasi Hanoi 1998, yang menyatakan pentingnya rakyat dijamin mendapat kemudahan perubatan manakala kerjasama wajar dipertingkatkan bagi mencegah penyakit berjangkit, termasuk HIV/Aids.

Ia juga komited untuk merealisasikan usaha menjadikan Asean bebas dadah seperti diperakukan Deklarasi Bersama Untuk Asean Bebas Dadah pada Mesyuarat Menteri-menteri Asean ke-33 (Julai 2000) dan Deklarasi Politik Bangkok Ke Arah Asean Bebas Dadah 2015 (Oktober 2000).

(END)